

Kerajaan masih halusi terma ambil alih Star, Putra

26 JUL 2001

Oleh Wan
Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Rabu – Kerajaan masih memperhalusi terma bagi pengambil alihan kedua-dua sistem rel transit aliran ringan (LRT) Star dan Putra, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, perkara itu belum diputuskan kerana kerajaan perlu mengkaji pelbagai aspek berkaitan.

"Kita masih memperincikan terma dan pendirian kita," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat khas oleh Kumpulan Industri Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) di sini, petang ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kedudukan pengambilalihan sistem LRT berkenaan yang diumumkan awal tahun ini tetapi ditangguhkan untuk kajian lanjut.

Sebelum ini, kerajaan dikatakan akan mengambil alih kepentingan dalam kedua-dua sistem berkenaan, membabitkan kos hampir RM6 bilion.

Ditanya adakah kerajaan akan membiayai pengambilalihan itu, Dr Mahathir berkata, perkara itu belum diputuskan lagi tetapi kerajaan perlu melakukannya jika mahu mengambil alih kedua-

"Ada banyak cara mendapatkan dana dan kerajaan masih dipercayai pemberi pinjaman"

– Dr Mahathir

dua syarikat pengangkutan berkenaan.

"Kita akan lihat bagaimana. Sudah tentu kita tidak boleh membeli syarikat tanpa membayar apa-apa," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menghadapi masalah mengumpul wang diperlukan kerana ia mempunyai pelbagai punca selain mendapat kepercayaan pemberi pinjaman.

"Ada banyak cara mendapatkan dana dan kerajaan masih dipercayai pemberi pinjaman," katanya.

Di Dewan Rakyat hari ini, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh berkata, kerajaan menangguhkan pengambilalihan sistem LRT Star dan Putra.

Beliau berkata, ini kerana pengambilalihan itu perlu dilaksanakan berhati-hati supaya tidak membekankan kerajaan selain ia membabitkan pinjaman bank dan terma konsesi.

"Kerajaan sedang mengkaji semula skim penyusunan semula pengangkutan awam bagi tujuan me-

rumuskan satu skim bagi menyelesaikan masalah kewangan Star dan Putra termasuk untuk manfaat pengguna," katanya.

Mengenai kemelesetan ekonomi Singapura, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang memantau keadaan itu dan mengkaji kesannya terhadap ekonomi negara.

"Kerajaan sudah mengambil tindakan balas. Kita sudah menyuntik dana tambahan bagi merangsang ekonomi negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan mengenal pasti pasaran baru bagi barangan keluaran negara serta bidang baru yang boleh dimanfaatkan pengeluaran tempatan.

Perdana Menteri berkata, beliau akan menemui semua pekilang tempatan malam ini bagi membincangkan tindakan yang perlu diambil serta pasaran yang perlu ditumpukan.

"Kita mendapati pasaran Asia Barat mempunyai potensi besar dan rakyat negara berkenaan juga melihat Malaysia sebagai

negara yang dapat membekalkan mereka banyak benda," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir meminta sektor swasta menyokong usaha MIGHT dalam meneroka bidang teknologi tinggi.

Katanya, sektor swasta boleh mendapatkan bantuan daripada kerajaan jika mereka mempunyai sesuatu untuk dimajukan kerana kerjasama antara kedua-duanya penting untuk mencipta teknologi dan produk baru.

Usaha Might kata Dr Mahathir memerlukan sokongan sektor industri, universiti, swasta dan agensi kerajaan seperti menerusi program *Triple Helix Programme* yang diperkenalkan bagi memantapkan usaha mengkomersialkan teknologi secara bersama.

Dr Mahathir juga menghadiri taklimat khas oleh Might mengenai program berkenaan.

Beliau juga menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Might dan Multimedia Technology Enhancement Operations (Meteor) Sdn Bhd bagi menjalin kerjasama dalam latihan, pendidikan dan program kesedaran mengenai teknologi tinggi.

Perjanjian itu membuka ruang kerjasama antara kedua-dua pihak ke arah pembentukan Institut Pembuatan Lanjutan (AMI).